

PRODUCT DISCLOSURE SHEET		 AmBank Islamic AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U)	
Dear valued customer, This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your hire purchase financing. Other customers have read this PDS and found it helpful; you should read it too.			
REMINDER: Please be reminded to read and understand the terms and condition of this Product Disclosure Sheet. Be vigilant. Always refer to our AmBank Islamic official channels for your financing application and approvals.		Arif Hire Purchase-i Fixed Rate	☐
		Arif Hire Purchase-i Variable Rate	☐
		Date: 7 January 2026	

1 What is Arif Hire Purchase-i, and what is the Shariah concept applicable?

Arif Hire Purchase-i is an Islamic financing facility for leasing/hire and subsequent purchase of vehicles. Payment is to be made by the customer (as "Hirer") by monthly instalments and the ownership of vehicle will only be transferred to the Hirer after all the instalments have been paid.

Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) is a Shariah-compliant financing method involving two consecutive contracts i.e. **Ijarah (lease)** and **Bai' (sale)**. The customer (as "Hirer") leases the vehicle from the Bank (as "Owner") for an agreed rental over a set period, and at the end of the lease, purchases the vehicle at a pre-agreed price, usually equivalent to the final instalment. Additionally, under the **Wakalah (agency)** contract, the Bank appoints the Hirer as its agent to handle vehicle maintenance during the lease term.

For details related to this financing, you may refer to our official website:

<https://www.ambank.com.my/loans-financing/personal/auto-financing/arif-hire-purchase-i>

2 Know Your Obligations

Fixed Rate and Variable Rate

For this hire purchase (**all calculations are for illustration purposes only**):

- Your financing amount: **RM 100,000.00**
- Your monthly instalment: **RM 1,105.00**
- Your financing tenure: 9 years
- Your financing rate:
 - Fixed rate:** 4.00 % p.a.
 - OR**
 - Variable rate:** 4.00 % p.a.
Base Financing Rate (BFR)*: 6.45 %
- Annual percentage rate: 7.17 %

In total you will pay **RM 119,243.00** at the end of **9 years**.

Note: For Variable Rate, payment will vary if the BFR changes*

*The BFR is set as the Overnight Policy Rate (OPR) decided by Bank Negara Malaysia. The BFR can rise or fall due to changes in the OPR. For historical series of reference rate, please refer to our website.

It is your responsibility to:

	Read and understand the key terms in the contract before you sign it.
	Pay your monthly instalment timely and in full for 9 years during the financing tenure. Speak to us if you wish to settle your financing earlier.
	Ensure you can afford to pay a higher instalment if the Overnight Policy Rate (OPR) rises.
	Contact us immediately if you are unable to pay your monthly instalments.

As Hirer, you have the obligation to **pay the instalments on time, inform the Bank ("Owner") of any change in your contact details** (including address, phone number, or email by visiting any of our branches or call our Contact Centre (Monday - Sunday, 7.00 a.m. - 11.00 p.m.), and ensure that the vehicle financed is **adequately covered**.

You also have to pay the following fees and charges:

Stamping Fee	:	RM10* of Hirer & RM10* for Guarantor (if any)
E-Hakmilik Fee	:	RM3* per registration
Photocopy of Hire Purchase-i and Guarantee Agreement	:	RM20* per request
Redemption Statement Fee	:	RM25* per account per request
Request for Audit Confirmation	:	RM20* per request

Note:

- Any changes in fees / charges will be updated in AmBank's website with twenty-one (21) calendar days prior notice to the implementation date.
- *The fees and charges quoted are exclusive of any taxes (where applicable) and shall be additionally borne by the customer. Should there be any taxes to be imposed on the fees and charges quoted, the Bank has the right to change the amount payable.
- For full list of fees and charges, please visit our website <https://www.ambank.com.my/rates-fees-charges>

3 Know Your Risks

What happens if you fail to pay your monthly instalments?

1. Late payment charges:

No	Applicable Period	Late Payment Charge Rate	On the Amount
1	Prior to maturity date	1% per annum calculated on a daily balance basis	i. Outstanding instalments, where it will be calculated after the due date until full settlement of the outstanding instalment and/or; ii. Outstanding balance calculated from the date of cancellation until full settlement of the outstanding balance.
2	After maturity date	Current Islamic Interbank Money Market Rate ("IIMM") per annum calculated on a daily balance basis	Outstanding balance calculated from the maturity date until full settlement
3	When the Bank has obtained a court judgment against you	At the IIMM rate per annum calculated on a daily balance basis from the court judgment date until the settlement date	Outstanding Balance (excluding legal costs and late payment charges as stated in the court judgement) calculated from the judgment date until full settlement of the judgment amount

- Right to set-off:** The Owner has the right to utilise any credit balance in the Hirer's account(s) (within the AmBank group) to cover outstanding payments, with seven (7) calendar days' prior notice before exercising this right.
- Legal Action:** If reminders on outstanding instalments are ignored, the vehicle may be repossessed, and the Hirer must cover all costs and any shortfall amount after resale. Legal action against the Hirer may affect his/her credit rating.
- Repossession:** After two (2) missed instalment payments, the vehicle can be repossessed pursuant to Section 16 of the Hire Purchase Act 1967. For cases where Hirer is deceased, the Owner has the right to repossess the vehicle if there has been four (4) consecutive default of monthly instalment payments.

5. **Right to outsource debt collection and sell non-performing financing:** The Owner has the right to outsource debt collection to an external agency and the Owner has the right to sell non-performing financing accounts to a third party. Your credit score may be affected, leading to credit being more difficult/expensive to you.

Your monthly instalment may increase during the tenure of your financing (for variable rate financing).

The BFR may increase due to a rise in the OPR set by Bank Negara Malaysia, leading to higher monthly instalments.

As an illustration:

	Current Rate (EFR) = 7.17%	Rate increase by 1%	Rate increase by 2%
Monthly instalment	RM 1,105.00	RM 1,134.00	RM 1,164.00
Total profit cost at the end of 9 years	RM 19,243.00	RM 22,417.00	RM 25,694.00
Total Payment amount at the end of 9 years	RM 119,243.00	RM 122,417.00	RM 125,694.00

4 Other Key Terms

1. Do I need any Takaful coverage?

Compulsory Takaful	Optional Takaful
Comprehensive Motor Takaful: Protect against loss or damage to your vehicle (accident, fire, theft) and covers third-party, death, or property damage. This Takaful is mandatory.	i. Family Takaful: Pays off your financing if you pass away or become totally and permanently disabled. ii. Personal Accident Protection Takaful: Covers injuries from accidents. Can include passengers or authorised drivers during use of the vehicle.

Note: The Owner may provide Takaful quotations from their panel, but you can choose other approved Takaful companies.

2. What if I fully settle the financing before its maturity?

Hire Purchase (Fixed Rate)	Hire Purchase (Variable Rate)
You are entitled to statutory 'ibrah' (rebate) on the unexpired rental period.	Early Settlement Amount is calculated based on the outstanding amount financed and profit charges accrued.

3. What if my tenure extends into retirement age?

In the event the financing tenure extends into retirement age, it is important that you have a plan on the payment of instalment after your retirement age.

If you have any question or require assistance on your hire purchase-i financing, you can:



Call us at:
03-2178 8888



Visit us at:
<https://www.ambank.com.my/contact-centre>



Email us at:
customercare@ambankgroup.com

Agensi kaunseling dan Pengurusan Kredit has been established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counseling, financial education and debt restructuring for individuals.

Customer's Acknowledgement*

Ensure you are filling this section yourself and are aware of what you are placing your signature for.

☐	I acknowledge that AmBank Islamic Berhad has provided me with a copy of the PDS.
☐	I have read and understood the key information contained in this PDS.

**A customer's acknowledgement of this PDS shall not prejudice his/her rights to seek redress in the event of subsequent dispute over the product terms and conditions.*

Disclaimer:

The actual amount of financing to be provided by AmBank Islamic is dependent upon your credit evaluation by AmBank Islamic. The transmission of this Product Disclosure Sheet to you does not create any obligation by AmBank Islamic to grant you any facilities.

Name:
ID No.:
Date:

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK		 AmBank Islamic AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U)	
Pelanggan yang dihormati, Lembaran Penyataan Produk ini memberikan anda maklumat utama mengenai pembiayaan sewa beli anda. Pelanggan lain telah membaca lembaran penyataan produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga disarankan untuk membacanya.			
PERINGATAN: Sila pastikan anda membaca dan memahami terma dan syarat yang dinyatakan dalam lembaran penyataan produk ini. Berwaspada setiap masa. Untuk permohonan dan kelulusan pembiayaan, sila rujuk hanya kepada saluran rasmi AmBank Islamic.		Arif Sewa Beli-i Kadar Tetap	☐
		Arif Sewa Beli-i Kadar Boleh Ubah	☐
Tarikh: 7 Januari 2026			

1 Apakah itu Arif Sewa Beli-i, dan apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Arif Sewa Beli-i ialah kemudahan pembiayaan Islam untuk penyewaan/sewa beli dan pembelian kenderaan. Bayaran hendaklah dibuat oleh pelanggan (sebagai 'Penyewa') melalui ansuran bulanan, dan pemilikan kenderaan hanya akan dipindahkan kepada Penyewa selepas semua ansuran telah dijelaskan.

Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) ialah kaedah pembiayaan patuh Syariah yang melibatkan dua kontrak berturut-turut iaitu **Ijarah (sewaan)** dan **Bai' (jual beli)**. Pelanggan (sebagai 'Penyewa') menyewa kenderaan daripada Bank (sebagai 'Pemilik') dengan kadar sewaan yang dipersetujui untuk tempoh tertentu, dan pada akhir tempoh sewaan, membeli kenderaan tersebut pada harga yang telah dipersetujui, biasanya bersamaan dengan ansuran terakhir. Selain itu, di bawah kontrak **Wakalah (agensi)**, Bank melantik Penyewa sebagai ejen untuk mengurus penyelenggaraan kenderaan sepanjang tempoh sewaan.

Untuk maklumat lanjut berkaitan pembiayaan ini, anda boleh merujuk laman web rasmi kami:

<https://www.ambank.com.my/loans-financing/personal/auto-financing/arif-hire-purchase-i>

2 Ketahui Tanggungjawab Anda

Kadar Tetap dan Kadar Boleh Ubah

Bagi kemudahan Sewa Beli ini (semua pengiraan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja):

- Jumlah pembiayaan anda: **RM 100,000.00**
- Bayaran ansuran bulanan anda: **RM 1,105.00**
- Tempoh pembiayaan anda: 9 tahun
- Kadar keuntungan anda:
 - Kadar tetap:** 4.00 % setahun
 - OR**
 - Kadar boleh ubah:** 4.00 % setahun
 - Kadar Pembiayaan Asas (KPA)*:** 6.45 %
- Kadar peratusan tahunan: 7.17 %

Secara keseluruhan, anda akan membayar **RM 119,243.00** pada akhir tempoh 9 tahun.

Nota: Bagi Kadar Boleh Ubah, bayaran akan berubah sekiranya KPA berubah*

*KPA ditetapkan berdasarkan Kadar Dasar Semalaman (KDS) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. KPA boleh naik atau turun disebabkan perubahan perubahan dalam KDS. Untuk siri sejarah kadar rujukan, sila rujuk laman web kami.

Adalah tanggungjawab anda untuk:

- Membaca dan memahami **terma-terma** utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani.
- Bayar ansuran bulanan anda **tepat pada masanya dan sepenuhnya** selama 9 tahun. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.
- Pastikan anda mampu **membayar ansuran yang lebih tinggi** jika Kadar Dasar Semalaman (KDS) meningkat.
- Hubungi kami dengan segera** sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Sebagai Penyewa, anda bertanggungjawab untuk **membayar ansuran tepat pada masanya, memaklumkan kepada Bank ("Pemilik") mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda** (termasuk alamat, nombor telefon atau e-mel) dengan mengunjungi mana-mana cawangan kami atau menghubungi Pusat Perhubungan kami (Isnin - Ahad, 7.00 pagi - 11.00 malam), serta memastikan kenderaan yang dibiayai **dilindungi secukupnya**.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti Setem	:	RM10.00* bagi Penyewa dan RM10.00* bagi setiap Penjamin (jika ada)
Caj E-Hakmilik	:	RM3.00* setiap pendaftaran
Salinan Perjanjian Sewa Beli atau Jaminan & Tanggungruji	:	RM20.00* setiap permintaan
Caj Penyata Penebusan (untuk bukan individu sahaja)	:	RM25.00* setiap permintaan untuk setiap akaun
Permohonan Pengesahan Audit (untuk bukan individu sahaja)	:	RM20.00* setiap permintaan

Nota:

- Sebarang perubahan pada yuran/caj akan dimaklumkan di laman web AmBank dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pelaksanaan tersebut.
- *Yuran dan caj yang disebut adalah tidak termasuk sebarang cukai (jika terpakai) yang akan turut ditanggung oleh pelanggan. Sekiranya terdapat sebarang cukai yang akan dikenakan ke atas yuran dan caj yang disebutkan, pihak Bank berhak untuk mengubah jumlah yang perlu dibayar.
- Bagi senarai penuh yuran dan caj, sila rujuk laman sesawang kami di <https://www.ambank.com.my/rates-fees-charges>

3 Kenali Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda gagal membayar ansuran bulanan?

1. Caj Lewat Bayar:

No	Tempoh Berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke Atas Jumlah
1	Sebelum tarikh matang	1% setahun dikira berdasarkan baki harian	i. Ansuran tertunggak, yang akan dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh ansuran tertunggak dan/atau; ii. Baki tertunggak dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak.
2	Selepas tarikh matang	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam ("IIMM") setahun dikira berdasarkan baki harian	Baki tertunggak dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh.
3	Apabila Bank telah memperoleh penghakiman mahkamah terhadap anda	Pada kadar IIMM setahun dikira berdasarkan baki harian dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti dinyatakan dalam penghakiman mahkamah) dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.

- Hak Untuk Tolak Selesai:** Pemilik berhak menggunakan sebarang baki kredit dalam akaun Penyewa (dalam kumpulan AmBank) untuk menampung baki belum jelas, dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar sebelum hak ini dilaksanakan.
- Tindakan Undang-Undang:** Jika peringatan mengenai ansuran tertunggak diabaikan, kenderaan boleh diambil semula, dan Penyewa perlu menanggung semua kos serta sebarang baki selepas penjualan semula. Tindakan undang-undang terhadap Penyewa boleh menjejaskan penarafan kreditnya.

4. **Penarikan Semula Kenderaan:** Selepas dua (2) bayaran ansuran terlepas, kenderaan boleh diambil semula menurut Seksyen 16 Akta Sewa Beli 1967. Bagi kes di mana Penyewa telah meninggal dunia, Pemilik berhak mengambil semula kenderaan jika terdapat empat (4) kegagalan berturut-turut membayar ansuran bulanan.
5. **Hak untuk mengurus kutipan hutang dan menjual akaun tidak berprestasi:** Pemilik berhak mengurus kutipan hutang melalui agensi luar dan berhak menjual akaun pembiayaan tidak berprestasi kepada pihak ketiga. Skor kredit anda mungkin terjejas, menyebabkan kredit menjadi lebih sukar/dengan kos lebih tinggi untuk anda.

Ansuran bulanan anda mungkin meningkat sepanjang tempoh pembiayaan anda (bagi pembiayaan kadar boleh ubah).

KPA mungkin meningkat akibat kenaikan KDS yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, menyebabkan ansuran bulanan menjadi lebih tinggi.

Sebagai ilustrasi:

	Kadar Semasa (EFR) = 7.17%	Kenaikan kadar sebanyak 1%	Kenaikan kadar sebanyak 2%
Ansuran bulanan	RM 1,105.00	RM 1,134.00	RM 1,164.00
Jumlah kadar keuntungan pada akhir tempoh 9 tahun	RM 19,243.00	RM 22,417.00	RM 25,694.00
Jumlah keseluruhan bayaran pada akhir tempoh 9 tahun	RM 119,243.00	RM 122,417.00	RM 125,694.00

4 Terma Utama Lain

1. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan Takaful?

Takaful Wajib	Takaful Pilihan
Takaful Komprehensif Kenderaan Bermotor: Melindungi daripada kerugian atau kerosakan pada kenderaan anda (kemalangan, kebakaran, kecurian) serta meliputi pihak ketiga, kematian, atau kerosakan harta benda. Takaful ini adalah wajib.	i. Takaful Keluarga: Menyelesaikan pembiayaan anda sekiranya anda meninggal dunia atau menjadi hilang upaya sepenuhnya dan kekal. ii. Takaful Perlindungan Kemalangan Peribadi: Melindungi kecederaan akibat kemalangan. Boleh merangkumi penumpang atau pemandu yang dibenarkan semasa penggunaan kenderaan.

Nota: Pemilik boleh menyediakan sebut harga Takaful daripada panel mereka, namun anda boleh memilih syarikat Takaful lain yang diluluskan.

2. Apakah yang berlaku jika saya menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya sebelum tempoh matang?

Sewa Beli (Kadar Tetap)	Sewa Beli (Kadar Boleh Ubah)
Anda layak untuk menerima ibra' (rebat) ke atas sewa yang masih belum tamat.	Penyelesaian awal adalah berdasarkan kepada amaun pembiayaan belum jelas dan caj faedah terakru.

3. Bagaimana jika tempoh pembiayaan saya berlanjutan sehingga usia persaraan?

Sekiranya tempoh pembiayaan berlanjutan sehingga usia persaraan, adalah penting untuk anda mempunyai rancangan bagi pembayaran ansuran selepas bersara.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan sewa beli-i anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-2178 8888



Kunjungi kami di:
<https://www.ambank.com.my/contact-centre>



E-mel kami di:
customercare@ambankgroup.com

Agensi kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda sedar tentang tujuan tandatangan anda.

☐	Saya mengakui bahawa AmBank Islamic Berhad telah memberikan saya salinan lembaran pernyataan produk ini.
☐	Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam lembaran pernyataan produk ini.

*Pengakuan pelanggan terhadap lembaran pernyataan ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan bantuan sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat produk di kemudian hari.

Penafian:

Amaun pembiayaan sebenar yang akan diberi oleh AmBank Islamic adalah bergantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank Islamic. Penyampaian Lembaran Pernyataan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank Islamic untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

Nama:

No. KP:

Tarikh: